



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Sarawak
Kampus Mukah



3rd Issue

VOLUME 1

JUNE 2024

UiTM MUKAH BULLETIN

Inov Dengan UiTM Mukah?

HIGHLIGHTS:

- Program Bicara Ilmu "Keusahawanan Belia, Tunjang Masa Depan Koperasi, Pemangkin Ekonomi Negara" UiTM Mukah 2023
- MATH STEP-UP@UiTM Bantu Komuniti Pelajar & Guru Mendalami Ilmu Matematik
- Embracing Cultural Diversity: Virtual Inbound Outbound Mobility Programme Between Universiti Teknologi Mara (UiTM) Sarawak Mukah Campus & Rajabhat University, Thailand
- Wacana Harmoni Perancangan Strategik Peringkat UiTM Kampus Mukah 2024
- Penjurian Inap Desa di Kampung Tellian, Mukah: Dari Kaca Mata Juri





TABLE OF CONTENT



01.

From Deputy Rector's Desk

02.

From Assistant Rector's Desk

03.

Chief Editor's Note

04.

Editorial Board

05.

Highlights

10.

News and Articles

26.


Creative Writing


29.

Congratulations!

31.

Press and Media Coverage





EDITORIAL

BOARD



Associate Professor Ts. ChM. Dr. Mohammad Isa Mohamadin

Patron

Associate Professor Dr. Abdul Razak Abdul Kadir

Advisor

Mr. Mohd Shafik Hj. Mohd Samsi

Chief Editor

Editors : **Ms. Siti Faridah Kamaruddin**

Ms. Stefanie Natasha Rich Joseph

Ms. Cindy Robert

Ms. Fakhira Jafri

Mr. Shileyusken Mijen

Webmaster

Mrs. Irene Seluroh

Layout & Design

Mr. Anas Asrawy Pendapat

Photographer

Published by:

Corporate Communication Unit, UiTM Mukah Campus

eISSN : 2976-257X

Published Date : 28 June 2024

NEWS AND ARTICLES

Pesta Rakyat UiTM (Night Bazaar Siri 1/2024)

Penulis: Siti Farah Lajim, Dr. Yusman Yacob, Agnes Kanyan, Noor Emma Shamsuddin dan Noraini Sa'at



Poster hebahan Pesta Rakyat UiTM (Night Bazaar Siri 1/2024)

Pada 26-27 April 2024, bertempat di Takan Berambéh, UiTM Kampus Mukah, Unit MASMED, UiTM Cawangan Sarawak, Kampus Mukah, telah menganjurkan Pesta Rakyat UiTM (Night Bazaar Siri 1/2024) dari pukul 2 petang sehingga 11 malam dengan jayanya. Pesta ini bertujuan untuk menggalakkan keusahawanan di kalangan pelajar, terutama yang mengambil kursus *Fundamentals of Entrepreneurship* (ENT300), serta memberi peluang kepada usahawan tempatan untuk mempromosikan produk mereka. Selain itu, ia juga merupakan platform untuk mempromosikan UiTM kepada komuniti setempat dan mengeratkan hubungan antara universiti dan masyarakat.

Dengan lebih daripada 20 gerai jualan yang menawarkan pelbagai jenis produk seperti makanan, pakaian, dan aksesori, *Night Bazaar* menjadi tempat yang menarik untuk dikunjungi selama dua hari tersebut. Selain gerai jualan, terdapat juga tiga aktiviti lain yang diadakan pada masa yang sama untuk menarik lebih ramai pengunjung, iaitu permainan tradisi, *students' corner*, dan Jualan Amal MASMED.

Kejayaan pesta ini sangat penting sebagai pemangkin bagi lebih banyak program keusahawanan di masa depan yang akan dianjurkan bersama komuniti setempat. Diharapkan inisiatif seperti ini dapat terus berkembang dan memberi manfaat yang besar kepada semua pihak yang terlibat.



AJK Unit MASMED bersama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tellian, YB Royston Valentine dan Penolong Rektor UiTM Kampus Mukah, PM Dr. Abdul Razak Abdul Kadir